

06/07/2000

Pemain tempatan tetap jadi sandaran

SEKALIPUN gagal menyinar dalam Piala Emas Khir Johari bulan lalu, Kelantan dan Sabah dijangka terus mempertaruhkan kepakaran pemain import masing-masing dalam sirkit sulung sepak takraw Grand Prix (GP) Kebangsaan di Segamat, Johor, Rabu depan.

Namun, 13 pasukan lain dijangka terus menyandarkan harapan kepada pemain tempatan bagi mengibarkan cabaran masing-masing - sekurang-kurangnya sehingga sirkit sulung itu berakhir.

Ini kerana Jawatankuasa Pertandingan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) masih lagi memberi peluang kepada pasukan yang berminat menuruti jejak Kelantan dan Sabah itu sebelum sirkit kedua - Terbuka Terengganu yang dijadualkan 24 Julai.

Setiausaha Jawatankuasa Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad berkata pihaknya kini membuka pendaftaran kedua kepada setiap pasukan yang bertanding sekiranya berhajat menggunakan kepakaran import.

"Sebagaimana pendaftaran pertama sebelum ini, kami menjangkakan tidak banyak pasukan yang mengambil pemain import ketika tarikh tutup pendaftaran kedua sebelum bermula Terbuka Terengganu.

"Apatah lagi, kedua-dua pasukan (Kelantan dan Sabah) yang menggunakan pemain import dalam Piala Emas Khir Johari bulan lalu gagal menyerlah apabila cabaran mereka berakhir di suku akhir.

"Jadi, pasukan lain dijangka berfikir dua kali sebelum membuat keputusan," katanya semalam.

Terdahulu, GP yang diperkenalkan sejak 1994 itu agak hambar dan didakwa gagal membantu pasukan kebangsaan bagi menghadapi saingan musuh tradisi, Thailand di persada antarabangsa.

Lebih memburukkan keadaan, GP itu turut dikaitkan dengan dakwaan penagihan ganja di kalangan pemain tahun lalu.

Bagi mengatasi segala-galanya itu, PSM melakukan tindakan drastik dengan mengangkat darjat saingan GP itu ke tahap profesional apabila membenarkan setiap pasukan yang bertanding mengambil dua pemain import musim ini.

Bagaimanapun, kebenaran itu hanya untuk pemain dan tidak membabitkan jurulatih. Malah, segala perbelanjaan dan pembiayaan harus ditanggung pasukan terbabit.

Menurut Mahathir, bagaimanapun masih awal untuk menilai dan mengkaji keberkesanan dengan pengambilan pemain import kerana ia hanya membabitkan satu kejohanan.

"Bagaimanapun, kita akan memantau sejauh mana pemain import dan tempatan dapat membentuk regu mantap di Terbuka Johor nanti," katanya.

Dalam undian sirkit sulung itu, pasukan Gemilang 2001 yang diwakili pemain negara diundi dalam Kumpulan bersama-sama Kedah, Terengganu, Perlis dan Sabah. Sementara juara bertahan, Kuala Lumpur pula berdepan cabaran Selangor, Perak dan Sarawak dalam Kumpulan B, manakala Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang diletakkan dalam Kumpulan C.

Naib juara final GP tahun lalu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Johor, Melaka dan PDRM disenaraikan dalam Kumpulan D.

Jadual Grand Prix (GP) Kebangsaan 2000

Terbuka Johor (12-16 Julai)

Terbuka Terengganu (24-29 Julai)

Terbuka Perlis (15-20 Ogos)

Terbuka Melaka (12-17 September)

Terbuka Perak (3-8 Oktober)

Terbuka Pulau Pinang (24-29 Oktober)
Final GP di Negeri Sembilan (15-19 November).
(END)